

## Cuti tanpa rekod untuk sukarelawan

**KUALA LUMPUR** - Sektor awam dan swasta diminta mengkaji untuk memberikan cuti tanpa rekod kepada pekerja mereka yang terlibat sebagai sukarelawan dalam mana-mana tragedi atau bantuan kemanusiaan.

Pengerusi Yayasan Salam Malaysia, Datuk Ahmad A Talib berkata, cadangan itu diharap membolehkan lebih ramai orang terlibat dalam aktiviti sukarelawan.

"Mereka yang bekerja sukar menawarkan diri jadi sukarelawan kerana tidak banyak cuti dan terpaksa menggunakan cuti tahunan. Jadi, sekiranya ada peraturan yang dirangka, mereka bolehlah membantu dan dalam masa sama masih mendapat gaji hakiki.

"Bagaimanapun, cadangan ini perlu dikaji dan diperhalusi bagi mengelak berlakunya salah guna terhadap kelepasan diberikan.

 **Mereka yang bekerja sukar menawarkan diri jadi sukarelawan kerana tidak banyak cuti dan terpaksa menggunakan cuti tahunan.**

- Ahmad

"Bagi mengelak ia disalah guna, syarat tertentu perlu diaplikasikan, contohnya maksimum dalam setahun hanya 12 atau 14 hari sahaja cuti tanpa rekod bagi menjadi sukarelawan," katanya pada program 'Breakfast Talk Integriti: Sukarelawan; Suka, Rela atau Sebaliknya' di Institut Integriti Malaysia, di sini, semalam. - *Bernama*